

Headline	Aktiviti cerap burung dekatkan masyarakat dengan alam semula jadi		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	10 Jun 2022	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	7	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	490 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,041
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,123



## Aktiviti cerap burung dekatkan masyarakat dengan alam semula jadi

**T**ERLETAK hanya 15 kilometer dari pusat bandar raya, hutan ladang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong di Kuala Lumpur, menawarkan pengalaman menarik tanpa perlu berbelanja besar bagi warga kota yang menyukai alam semula jadi.

Pelbagai aktiviti boleh dilakukan untuk menikmati keindahan fauna dan flora di situ, antaranya ialah memerhati atau mencerap burung di Paya Burung yang dibuka sepenuhnya kepada umum bermula 15 Mac lepas.

Bersama-sama 11 lagi peserta, penulis berpeluang mengikuti aktiviti tersebut yang dianjurkan oleh Cawangan Ekopelancongan FRIM, dalam usaha institut itu mendekatkan masyarakat dengan alam semula jadi.

Tidak perlu peralatan canggih dan mahal, sekadar sebuah binokular berkualiti atau teleskop atau hanya bersandarkan penglihatan mata kasar serta aplikasi eBird dalam telefon pintar atau buku rujukan spesies burung bagi yang ingin mencuba.

Malah, jika bernasib baik, anda berpeluang "terserempak" dengan burung rapang duit atau nama saintifiknya *Vanelus indicus*, iaitu antara unggas terlindung yang hampir pupus di Malaysia.

Ketibaan penulis dan peserta "Projek Sains Kemasyarakatan Mengenai Burung" pada 7 pagi di Paya Burung disambut ciapan pelbagai unggas dan bunyi cengkerik. Sinar matahari pagi yang belum terik beserta hembusan bayu sejuk terasa begitu nyaman dan menenangkan bagi penulis yang banyak menghabiskan masa di tengah-tengah hutan batu yang panas kering.

"Seronoknya," ujar rakan peserta Amira Nor Sabrina Ambran, 21, kepada Bernama.

Menurut penuntut universiti tempatan tersebut, itu adalah kali pertama baginya mengikuti aktiviti sedemikian.

"Saya dapat pelajari banyak benda, bukan sahaja mengenali spesies burung tetapi juga habitat, cara hidup dan kepentingan memelihara alam semula jadi," kongsi.

Selain itu katanya tidak sukar untuk melakukan aktiviti cerap burung.

"Apabila dengar sahaja bunyi burung, kami mengesan dari mana arah bunyi itu datang dan kemudian menggunakan binokular untuk mengenal pasti jenis



Gambar hiasan. — fotoBERNAMA

burung melalui ciri-ciri fizikal," ujar gadis tersebut. Bagi Shukri Mohd Yusof, 31, aktiviti mencerap burung boleh menenangkan jiwa selain mengenali spesies burung dan habitanya.

"Jika bernasib baik, boleh tengok burung hijrah yang datang pada tempoh-tempoh tertentu. Kita dapat tengok cara hidup burung hijrah yang berasal dari negara lain, misalnya spesies yang menangkap ikan menggunakan paruhnya yang panjang di tasik," kata pemandu van dari Selayang Baru berkenaan.

Sementara itu, Ketua Program Ekopelancongan dan Hutan Bandar, Cawangan Ekopelancongan FRIM Ahmad Azaruddin Mohd Noor berkata projek sains kemasyarakatan tersebut diharap dapat bertindak sebagai serampang dua mata, iaitu mendekatkan orang ramai dengan alam semula jadi dan meningkatkan kesedaran mereka mengenai kepentingan pemuliharaan biodiversiti.

Menurutnya, setakat ini terdapat 86 spesies burung di Paya Burung termasuk empat yang baru dikenal pasti oleh peserta projek tersebut.

"Selain dapat membantu mendapatkan data mengenai spesies burung di kawasan FRIM ini, kami turut memberi pendedahan kepada peserta tentang aktiviti pemerhatian burung yang sebenarnya sangat menyeronokkan," katanya.

Jelas beliau, dengan menggunakan buku rujukan spesies burung serta aplikasi eBird telefon pintar, peserta dapat mengenal pasti burung mengikut jantina, karakter, ciri-ciri serta habitat

sebelum lokasi penemuan ditanda dan disumbangkan kepada maklumat dalam aplikasi itu.

"Pada masa yang sama, kami berharap projek ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat, khususnya pelajar-pelajar sekolah, tentang kepentingan mengenali dan memahami sumber alam semula jadi iaitu burung yang menjadi indikator kekayaan flora dan fauna," katanya.

Ber cerita lanjut, Ahmad Azaruddin berkata Paya Burung yang berkeluasan lapan hektar itu menjadi habitat serta persinggahan pelbagai jenis burung disebabkan kepelbagaian sumber makanan yang banyak selain kawasan hijau yang sentiasa bersih dengan persekitaran lembap.

Menurutnya, dengan kerjasama pemain sektor pelancongan, aktiviti mencerap burung boleh dijadikan sebagai antara tarikan utama ekopelancongan.

"Jika sebut pasal ekopelancongan, kami tidak mahu pengunjung hanya menikmati keindahan alam sahaja di tempat-tempat tarikan pelancongan, kesedaran mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti menerusi kerjasama dengan badan bukan kerajaan dan penduduk kampung juga sangat penting.

"Misalnya, kita boleh melibatkan komuniti setempat untuk mainkan peranan sebagai pemandu pelancong dalam aktiviti cerap burung. Usaha ini sekali gus mengajak komuniti setempat untuk bersama-sama terlibat dalam pemuliharaan alam dan ekopelancongan," katanya. — Bernama